• Apakah tanggung jawab utama jawatan?	• Kepada siapa/apa?	• Apakah jangkaan penghasilan?

5. PROSES KERJA

Memberikan penekanan kepada peranan/tugas aktor dan tanggungjawab bagi sesuatu aktiviti secara kolektif.

Arahan rasmi yang memberikan kuasa dan yang perlu dirujuk.

Rajah 11: Senarai Tugas, Kuasa dan Hubungan Pegawai Dengan Pegawai Lain

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, MAMPU
Jawatan: Kerani Perkhidmatan

Tugas Pegawai Atasan Yang Ada Hubungan	Tugas dan Tanggungjawab	Kuasa Yang Diberi	Tugas Pegawai Atasan Yang Ada Hubungan
Penolong Pengarah Pentadbiran Semua perkara mengenai perkhidmatan, perlantikan, pengesahan dalam jawatan, kemasukan ke dalam jawatan berpencen, pemangkuan jawatan, penangguhan kerja dan sebagainya Pegawai-pegawai Di MAMPU Minta butir-butir menge... kelulus... untuk ... Perkhi... Pegaw... Semua ... penges... jawata... dan lai... Kerani... Semua ... menge... perkhi... perlant... penges... peman... lain-lai...	1. Mengurus perlantikan, pengesahan dalam jawatan, kemasukan ke dalam jawatan berpencen, kenaikan pangkat/pemangkuan dan lain-lain 2. Mengurus rayuan penyelarasan dan pengubahsuaian gaji 3. Menyediakan Penyata Bulanan/Suku Tahun mengenai kedudukan perjawatan/pertukaran dan lain-lain	o Menerima laporan sulit dari semua pegawai o Mengambil fail-fail sulit	Kerani-kerani 1. Kerani Rekod - Urusan pengendalian Buku Perkhidmatan Kerajaan dan merekodkan setiap perubahan pegawai/staf 2. Kerani Persuratan - Urusan Fail Persendirian dan mengambil tindakan perlu Jurutaip Menaip surat-surat

Rajah 12: Proses Kerja Bagi Menguruskan Permohonan Kad Pengenalan Kanak-kanak 12 Tahun

Bil.	Proses Kerja	Pegawai Yang Meluluskan/ Dirujuk	Seksi Undang-undang Peraturan
1.	Terima borang JPN. 1/2, dokumen, salinan dokumen, setem dan gambar		
2.	Semak dokumen		
3.	Turunkan cop salinan sah		
4.	Semak borang JPN. 1/2 berdasarkan dokumen yang dikemukakan		
5.	Isikan kod jenis permohonan, taraf, perkara dalam Perlembagaan Persekutuan bagi warganegara undang-undang dan catatan yang berkenaan di borang JPN. 1/2		Perlembagaan Persekutuan
6.	Isikan JPN. 1/8 bagi permohonan anak angkat		
7.	Isikan JPN. 1/4 bagi pemohon yang mempunyai nama yang berlainan dari sijil kelahiran		
8.	Isikan JPN. 1/1		
9.	Isikan JPN. 1/9 dan salinan		
10.	Catatkan No. JPN. 1/9 di JPN. 1/1, JPN. 1/2, 1/4 dan 1/8		
11.	Ambil cap jari pemohon di JPN. 1/1 dan JPN. 1/9		
12.	Ambil cap jari penganjur di JPN. 1/2 dan tandatangan penganjur di JPN. 1/2, 1/4 dan		

Aktiviti : Penyediaan Laporan Penggunaan Aplikasi myMesyuarat Bagi Mesyuarat-Mesyuarat Utama Kementerian yang Ditetapkan

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN YANG ADA HUBUNGAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1	SUB	Mengeluarkan arahan bagi penyediaan laporan bulanan penggunaan aplikasi myMesyuarat bagi mesyuarat mandatori KKR.		Arahan Pentadbiran bil 4/2013: Penggunaan Aplikasi myMesyuarat Bagi Semua Mesyuarat Mandatori KKR
2	KPSU/PSU	Terima arahan dan mengarahkan aktiviti mendapatkan maklumat penggunaan aplikasi myMesyuarat dilaksanakan.		
3	PTPO 1	Mendapatkan maklumat penggunaan aplikasi myMesyuarat daripada pihak BTM pada setiap hujung bulan atau pada minggu pertama bulan berikutnya.		
4	PTPO 1	Semak maklumat yang diterima. Sediakan draf laporan penggunaan berdasarkan maklumat yang diterima.		

5. PROSES KERJA

- Proses Kerja merupakan senarai rangkaian tindakan yang perlu diambil secara berturutan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti.
- Menunjukkan hubungan kerja atau perkaitan antara pegawai dengan pegawai lain.
- Menjelaskan had kuasa yang diperuntukkan kepada pegawai.
- Hubungan kerja dengan pegawai atasan dan pegawai bawahan dalam unit yang sama dikategorikan di bawah Tanggungjawab, manakala hubungan kerja dengan pegawai di luar unit/ bahagian dan dari agensi luar dikategorikan sebagai Pegawai Lain yang Ada Hubungan/ Dirujuk.

5. PROSES KERJA

Aktiviti 1: Merancang/melaksanakan program khidmat rundingan bagi agensi kerajaan negeri dan persekutuan di negeri Sarawak yang memohon bantuan MAMPU Sarawak.

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN YANG ADA HUBUNGAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1	KP/ TKP (TPP)/ Pengarah	Mengeluarkan arahan untuk menyediakan perkhidmatan perundingan kepada agensi di negeri Sarawak.		
2	P/TP/PPK	Menerima arahan untuk memberikan perkhidmatan perundingan kepada agensi di negeri Sarawak.		
3	TP/PPK	Menyediakan kertas cadangan.		
4	TP/PPK	Mendapatkan kelulusan. a) Jika tidak diluluskan, membuat pindaan dan mengemukakan semula kertas cadangan untuk kelulusan; atau b) Jika diluluskan, memaklumkan kepada agensi berkenaan berserta pelaksanaan program.	Ketua Jabatan agensi yang diberi khidmat rundingan	

TINDAKAN DALAM MENYEDIAKAN PROSES KERJA

Proses kerja sebaiknya secara berstruktur iaitu disediakan mengikut Jabatan/ Bahagian/ Cawangan/ Sektor/ Unit sebagai panduan kepada penyediaan myPortfolio pada peringkat jawatan.

Carta fungsi dan aktiviti bagi fungsi untuk kementerian/jabatan serta tugas utama Ketua Jabatan/ Pengarah/ Setiausaha Bahagian hendaklah dijadikan panduan dalam menyediakan proses kerja.

Proses kerja hendaklah disediakan bagi setiap aktiviti yang dinyatakan dalam komponen Aktiviti-aktiviti bagi Fungsi. Proses Kerja juga boleh dikenal pasti melalui Komponen Tugas Utama dalam Deskripsi Tugas. Penentuan aktiviti bagi proses kerja ini berbeza mengikut kesesuaian dan kompleksiti jabatan/tugas.

Sesuatu proses kerja boleh dikongsi oleh beberapa jawatan dengan hanya menandakan/mewarnakan perkara yang berkaitan dengannya.

Proses kerja yang kompleks/panjang dan bersambung daripada arahan Ketua Jabatan sehingga ke peringkat paling akhir iaitu pemfailan boleh dipecahkan mengikut kesesuaian tadbir urus/penurunan kuasa. Kesinambungan sesuatu proses kerja dengan proses kerja yang lain dalam rantaian tersebut hendaklah dipastikan.

LANGKAH-LANGKAH MENYEDIAKAN PROSES KERJA

Bil	Tanggungjawab	Proses Kerja	Pegawai Lain yang Ada Hubungan/ Dirujuk	Undang-Undang/ Peraturan dan Punca Kuasa
	Senaraikan semua jawatan pegawai atasan dan bawahan yang terlibat dalam sesuatu proses kerja dari yang memberi arahan, membuat kelulusan, membuat tindakan dan memfailkan. Senaraikan jawatan pegawai yang perlu mengambil tindakan terhadap langkah-langkah yang berkenaan. Kenal pasti hubungan kerja dengan pegawai atasan dan pegawai bawahan dalam unit yang sama bagi menentukan dengan tepat, jelas dan terperinci mengenai tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa seseorang pegawai dalam melaksanakan tugasnya. Tanggungjawab berkaitan jawatan hendaklah diwarnakan.	Kenal pasti tugas-tugas yang perlu disediakan proses kerja (setiap tugas perlu disediakan proses kerjanya kecuali yang terlalu umum). Sediakan urutan tindakan-tindakan yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu kerja dari mula hingga tamat. Mulakan dengan perkataan perbuatan. Contoh : Menyediakan, Mendapatkan, etc. Proses Kerja berkaitan jawatan hendaklah diwarnakan.	Senaraikan semua pegawai berkenaan yang ada hubungan/ Dirujuk. Kenal pasti hubungan kerja dengan pegawai di luar unit/ bahagian dan dari agensi luar.	Senaraikan petikan undang-undang, peraturan dan punca kuasa yang berkaitan dengan setiap aktiviti.

6. CARTA ALIR

- Gambaran secara grafik atau gambar rajah ke atas tindakan-tindakan yang terlibat dalam sesuatu aktiviti.
- Mempunyai simbol-simbol tertentu yang mempunyai maksud tersendiri.
- Bagi memantapkan lagi Carta Alir sedia ada, tempoh masa yang diambil bagi setiap langkah dalam proses kerja juga dititik beratkan.
- Carta alir hendaklah mengandungi tempoh untuk setiap proses kerja (sekiranya berkaitan).
- Penetapan tempoh masa boleh merujuk kepada PKPA Bil. 2 Tahun 2005 Garis Panduan bagi Mewujudkan KPI dan Melaksanakan Pengukuran Prestasi di Agensi Kerajaan.

Contoh Simbol Asas yang Digunakan



6. CARTA ALIR

TANGGUNGJAWAB	PROSES KERJA	TEMPOH MASA
	MULA	
P/TP/PPK	Terima arahan untuk memberikan khidmat rundingan.	
TP/PPK	Sediakan kertas cadangan.	
TP/PPK	Dapatkan kelulusan	
KP/TKP(TPP)/P	Diluluskan? (Tidak: Buat pindaan; Ya)	
TP/PPK	Maklumkan kepada agensi mengenai pelaksanaan program.	
TP/PPK	Sediakan bahan perundingan dan dapatkan kelulusan.	
TKP(TPP)/PK	Diluluskan? (Tidak: Buat pindaan; Ya)	
TP/PPK	Laksanakan khidmat rundingan.	
TP/PPK	Dapatkan maklum balas daripada peserta mengenai pengendalian khidmat rundingan.	
PPK	Analisis maklum balas peserta dan kemukakan laporan analisis.	
PT(PO)	Failkan.	
	TAMAT	

Aktiviti 1: Merancang/ melaksanakan program khidmat rundingan bagi agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Negeri Sarawak yang memohon bantuan MAMPU Sarawak.

- Carta alir hendaklah mengandungi tempoh masa untuk setiap proses kerja.
- Penyediaan carta alir mengikut tempoh masa boleh dirujuk dalam PKPA Bil. 2/2005.

6. CARTA ALIR

PENYEDIAAN CARTA ALIR MENGIKUT TEMPOH MASA

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN BAGI MEWUJUDKAN PETUNJUK-PETUNJUK PRESTASI UTAMA ATAU *KEY PERFORMANCE INDICATORS* (KPI) DAN MELAKSANAKAN PENGUKURAN PRESTASI DI AGENSI KERAJAAN

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
7 APRIL 2005

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

JADUAL 2 CARA MENETAPKAN SASARAN PRESTASI BILANGAN PASPORT YANG BOLEH DIHASIL DAN DISERAHKAN DALAM TEMPOH SATU HARI

	Aliran Kerja	Masa Sebenar Setiap Tindakan (minit)
	Penerimaan	
6 PI	Terima permohonan dan semak	12
2 PIT	Lulus permohonan	5
2 PI	Terima bayaran	5
	Pemprosesan	
2 PI	Sedia imej	2
2 PI	Cetak muka surat utama pasport	2
2 PI	Salut plastik	2
2 PI	Pastikan Kualiti	3
2 PI	*Encode chip*	2
2 PI	Cetak muka surat pemerhatian pasport	2
	Kelulusan	
1 PIT	Lulus dan sah keluar	5
	Serahan	
2 PI	Serah pasport	10
	Jumlah masa sebenar menghasil dan menyerahkan satu pasport	**50 minit**

Kaedah pengiraan bilangan pasport yang boleh dihasil dan diserahkan dalam tempoh satu hari

Jumlah masa sebenar memproses 1 permohonan (dari masa permohonan diterima sehingga pasport diserahkan kepada pelanggan)	=	50 minit
Masa kerja produktif satu hari	=	6.5 jam/hari x 60 minit
	=	390 minit/hari
Bilangan anggota terlibat dalam menghasil dan menyerahkan pasport	=	25 orang
Jumlah masa kerja produktif sehari untuk semua anggota terlibat	=	390 minit/hari x 25 orang
	=	9,750 minit/hari
Bilangan pasport yang boleh dihasil dan diserahkan dalam satu hari	=	9,750 minit/hari
		50 minit/pasport
	=	195 pasport
Bilangan pasport yang dihasil dan diserahkan kepada pelanggan dalam satu hari	=	**195 pasport/hari**

Petunjuk:

Angka = **Bilangan Pegawai**

PI = **Pegawai Imigresen**

PIT = **Pegawai Imigresen Tinggi**

TINDAKAN DALAM MENYEDIAKAN CARTA ALIR

1

Sediakan selepas penyediaan proses kerja.

2

Rujuk proses kerja bagi aktiviti yang terlibat.

3

Sediakan carta alir terperinci berdasarkan proses kerja aktiviti tersebut.

Carta Alir yang berkaitan dengan jawatan hendaklah diwarnakan.

4

Gunakan simbol carta alir yang ditetapkan.

FAEDAH CARTA ALIR

1

- Merupakan gambaran secara grafik secara menyeluruh berhubung proses kerja.

2

- Memberikan gambaran yang lebih jelas bagi setiap langkah atau tindakan dan tempoh masa yang perlu diambil semasa menjalankan sesuatu tugas.

3

- Menggunakan simbol-simbol asas tertentu.

4

- Dapat menunjukkan dimana berlaku kelewatan, *bottle neck* dan kerja berulang-ulang.

7. SENARAI SEMAK

- **Alat perancangan dan kawalan kerja yang ringkas dan tepat mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil dalam mengendalikan sesuatu aktiviti.**
- **Berfungsi sebagai pelan tindakan bagi melaksanakan sesuatu aktiviti.**
- **Boleh disesuaikan bagi tujuan pengesanan proses kerja (seperti Borang Tindakan Kerja) dan Senarai Tugas Harian, sekiranya diperlukan untuk kegunaan dalaman Jabatan.**

Aktiviti 1: **Merancang/melaksanakan program khidmat rundingan bagi agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan di negeri Sarawak yang memohon bantuan MAMPU Sarawak.**

BIL	TINDAKAN	TANDA (✓)	CATATAN
1	Terima arahan untuk memberikan khidmat perundingan.		
2	Sediakan kertas cadangan.		
3	Dapatkan kelulusan KP/TKP(TPP)/ Pengarah.		
4	Maklumkan kepada agensi mengenai pelaksanaan program.		
5	Sediakan bahan perundingan dan dapatkan kelulusan.		
6	Laksanakan khidmat perundingan.		

7. FAEDAH SENARAI SEMAK

1. Memberi peringatan dan semakan ke atas tindakan yang perlu diambil dalam melaksanakan sesuatu aktiviti;
2. Mengelakkan berlakunya kecuaian, lupa, kesilapan dan pertindihan kerja;
3. Menjadi asas kepada kawalan keselamatan, terutamanya aktiviti teknikal;
4. Menjadi alat pengawasan dalam menentukan tahap pencapaian kerja, mengesan kelewatan dan memudahkan mengambil tindakan awal jika terdapat masalah;
5. Menjadi semakan terhadap perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian sebelum dipersetujui/diluluskan seperti penyediaan kertas kabinet, memproses lesen, etc.;
6. Mewujudkan disiplin kerja.

TINDAKAN DALAM MENYEDIAKAN SENARAI SEMAK

1. Sediakan selepas carta alir.
2. Rujuk proses kerja bagi aktiviti yang terlibat.
3. Sediakan senarai semak berdasarkan proses kerja aktiviti tersebut.
4. Proses kerja yang berkaitan dengan jawatan hendaklah diwarnakan.

8. SENARAI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA

Rajah 23: Senarai/Petikan Undang-Undang Dan Peraturan-Peraturan Yang Diperlukan Oleh Pengajar Jururawat

1.	Perintah Am -	Bab B - Elaun-elaun dalam perkhidmatan Bab C - Cuti Bab D - Disiplin
2.	Surat Pekeliling daripada Pengarah, Hospital Besar, Kuala Lumpur	
3.	Surat Pekeliling daripada Pengarah, Bahagian Latihan dan Tenaga Manusia - Elaun Biasiswa-biasiswa dan syarat-syarat latihan	
4.	Surat Pekeliling daripada Ketua Penyelia Jururawat Malaysia, Cawangan Jururawat, Kementerian Kesihatan	
5.	Surat Pekeliling daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Kewangan	
6.	Undang-undang dan peraturan-peraturan Lembaga Jururawat	

Rajah 12: Proses Kerja Bagi Menguruskan Permohonan Kad Pengenalan Kanak-kanak 12 Tahun

Bil.	Proses Kerja	Pegawai Yang Meluluskan/ Dirujuk	Seksi Undang-undang Peraturan
1.	Terima borang JPN. 1/2, dokumen, salinan dokumen, setem dan gambar		
2.	Semak dokumen		
3.	Turunkan cop salinan sah		
4.	Semak borang JPN. 1/2 berdasarkan dokumen yang dikemukakan		
5.	Isikan kod jenis permohonan, taraf, perkara dalam Perlembagaan Persekutuan bagi warganegara undang-undang dan catatan yang berkenaan di borang JPN. 1/2		Perlembagaan Persekutuan
6.	Isikan JPN. 1/8 bagi permohonan anak angkat		
7.	Isikan JPN. 1/4 bagi pemohon yang mempunyai nama yang berlainan dari sijil		

Arahan rasmi yang perlu dirujuk oleh seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas.

8. SENARAI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA

(i) Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016 : Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.

(ii) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2008: Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan.

(iii) Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

(iv) Panduan Pelaksanaan MS ISO 9001:2008/MS ISO 9001:2015 dalam Sektor Awam.

(a) PK(PU)-03: Pengurusan Khidmat Perundingan

(v) Piagam Pelanggan MAMPU.

(a) Memberikan khidmat nasihat/bimbingan/khidmat perundingan secara berkesan dengan mencapai sekurang-kurangnya skala '5' (memuaskan) daripada '7' dalam penilaian.

(b) Laporan lawatan inspektorat dikemukakan kepada agensi dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh persetujuan Pengurusan Tertinggi/Pengurusan Kanan.

8. SENARAI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA

- **Menjadi rujukan asas yang membolehkan sesuatu aktiviti itu dilaksanakan.**
- **Merupakan arahan-arahan rasmi yang perlu dirujuk oleh seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas.**
- **Kenal pasti tugas yang mempunyai undang-undang, peraturan dan punca kuasa yang harus diketahui oleh pegawai dalam melaksanakan tugas tersebut.**
- **Senaraikan petikan arahan-arahan rasmi tersebut.**

8. SENARAI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA

1. Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016 : Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.
2. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2008: Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan.
3. Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).
4. Panduan Pelaksanaan MS ISO 9001:2008/MS ISO 9001:2015 dalam Sektor Awam.
   (i) PK(PU)-03: Pengurusan Khidmat Perundingan
5. Piagam Pelanggan MAMPU.
   (i) Memberi khidmat nasihat/bimbingan/khidmat perundingan secara berkesan dengan mencapai sekurang-kurangnya skala 5 (memuaskan) daripada 7 dalam penilaian.

TUJUAN

1. Memastikan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan.
2. Menjadi rujukan asas yang membolehkan sesuatu aktiviti dilaksanakan dengan sah.
3. Menjimatkan masa mengesan semula arahan yang diperlukan, yang kebiasaannya tersimpan di pelbagai bahagian/unit di dalam sesebuah agensi/ bahagian.
4. Memudahkan pegawai lain membuat rujukan.

9. SENARAI BORANG

- **Menjadi sumber rujukan.**
- **Menjelaskan lagi prosedur-prosedur yang diterangkan.**
- **Senaraikan semua borang berkaitan tugas pegawai beserta kod tanpa perlu melampirkannya.**
- **Borang yang tidak ditentukan kod oleh Undang-undang/ peraturan/ pekeliling dan sebagainya hendaklah ditetapkan kodnya oleh Jabatan.**

9. SENARAI BORANG

BIL.	BORANG	KOD BORANG
1	Borang Maklum Balas Pelanggan: Pemberian Khidmat Perundingan.	Lampiran PK(PU)-05-1

10. SENARAI JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI

- **Bertujuan supaya seseorang pegawai itu mengetahui jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai dan membolehkannya membuat persediaan dan perancangan awal sebelum hadir ke mesyuarat berkenaan.**
- **Membolehkan pegawai baharu yang mengambil alih tugas mengetahui jawatankuasa yang dianggotainya.**
- **Senaraikan jawatankuasa yang merupakan lantikan rasmi mengikut jawatan dan sekurang-kurangnya untuk tempoh setahun.**

10. SENARAI JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI

1. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
2. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Akaun dan Kewangan
3. Ahli Jawatankuasa EKSA MAMPU Sarawak

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018

myPORTFOLIO

PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

SESI 2.1

SOALAN LAZIM (FAQs)

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018
myPORTFOLIO
PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

FAQ

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah myPortfolio perlu dipinda sekiranya penyandang bertukar?	**Tidak. myPortfolio tidak perlu dipinda kerana penyediaan myPortfolio merujuk kepada jawatan bukan penyandang. Walau bagaimanapun, maklumat pegawai yang menyandang jawatan myPortfolio tersebut perlu dikemas kini.**
2.	Adakah agensi perlu menyediakan satu (1) myPortfolio sahaja bagi jawatan-jawatan yang menjalankan fungsi yang sama?	**Tidak. Prinsip penyediaan myPortfoflio iaitu 1 myPortfolio : 1 Jawatan. Akauntabiliti dan tugas utama boleh sama bagi jawatan yang menjalankan fungsi yang sama tetapi terdapat kemungkinan perbezaan pada komponen "dimensi" seperti dinyatakan dalam JD. Oleh yang demikian, maklumat pegawai yang menyandang setiap jawatan dalam myPortfolio perlu dikemas kini.**

FAQ

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
3.	Bagaimana penyediaan myPortfolio bagi jawatan fleksi gred/ fleksi skim?	**Bagi jawatan fleksi gred/ fleksi skim, penyediaan myPortfolio hanya melibatkan satu (1) myPortfolio sahaja untuk setiap jawatan. Tetapi kemungkinan perbezaan myPortfolio bagi setiap gred/ skim dapat dibahagikan mengikut dimensi/akauntabiliti seperti dinyatakan dalam JD. Oleh yang demikian, maklumat pegawai yang menyandang setiap jawatan dalam myPortfolio perlu ditandakan/ dikemas kini.**
4.	Adakah myPortfolio boleh disediakan dalam bentuk salinan lembut (*soft copy*)?	**Ya. myPortfolio boleh disediakan sama ada dalam bentuk fizikal (*hard copy*) atau *soft copy* dengan mengambil kira keadaan bahawa myPortfolio tersebut mudah dicapai dan dirujuk.**

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018
myPORTFOLIO
PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

FAQ

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah Dokumen Kualiti boleh menggantikan myPortfolio?	**Tidak. Dokumen Kualiti merupakan persyaratan standard MS ISO 9001:2015 di peringkat agensi. Manakala myPortfolio merupakan panduan kepada setiap pegawai untuk melaksanakan tugas yang ditetapkan bagi jawatannya. Dokumen Kualiti boleh digunakan sebagai panduan dalam menyediakan myPortfolio dan juga dimasukkan di bawah komponen Senarai Undang-undang, Peraturan dan Punca Kuasa. Sebaliknya, myPortfolio juga boleh dijadikan sebagai Maklumat Didokumentasikan bagi bukti pelaksanaan MS ISO 9001:2015.**
6.	Adakah myPortfolio boleh dijadikan bukti pelaksanaan MS ISO?	**Ya. myPortfolio boleh dijadikan sebagai bukti bahawa agensi telah mewujudkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001: 2015. Namun, agensi hendaklah menunjukkan bukti "pematuhan" dalam melaksanakannya seperti proses yang dinyatakan dalam myPortfolio. Penerimaan bukti pelaksanaan adalah terletak di atas budi bicara Juru Audit.**

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018
myPORTFOLIO
PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

FAQ

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Apakah hubung kait MS ISO 9001:2015 dengan myPortfolio?	**MS ISO 9001: 2015 dan myPortfolio mempunyai persamaan dalam lima (5) klausa iaitu:** **i. Klausa 7.1.2 (modal insan) bersamaan dengan komponen Carta Organisasi;** **ii. Klausa 7.1.6 (pengetahuan organisasi) bersamaan dengan komponen Proses Kerja, Carta Alir dan Senarai Borang;** **iii. Klausa 7.2 (kekompetenan) bersamaan dengan komponen Deskripsi Tugas bagi elemen kelayakan akademik, kompetensi dan pengalaman;** **iv. Klausa 7.5.2 (mewujudkan dan mengemas kini) bersamaan dengan maklumat PKPA Bil. 4 Tahun 2018, Format myPortfolio dan Jadual Pengemaskinian; dan** **v. Klausa 8.1 (perancangan dan kawalan operasi) bersamaan dengan beberapa komponen iaitu Deskripsi Tugas, Proses Kerja, Carta Alir, Senarai Semak, Senarai Undang-undang, Peraturan dan Punca Kuasa, serta Senarai Borang.**

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018

myPORTFOLIO

PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

SESI 3

AMALI (MODUL C)

PROSES PENYEDIAAN*



*Catatan: selaras dengan proses penyediaan Deskripsi Tugas

BAHAN RUJUKAN

PKPA myPortfolio



Waran Perjawatan

MyGovEA
MALAYSIA GOVERNMENT ENTERPRISE ARCHITECTURE

Pelan Strategik

Dokumen Kualiti

Format myPortfolio



JD

MPK & FM

Undang-undang,
Peraturan & Punca Kuasa

01 Perbincangan **kumpulan** mengikut Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ SUK/ Bahagian/ Cawangan/Unit.

02 **Bahan rujukan** meliputi PKPA myPortfolio, format myPortfolio, Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Deskripsi Tugas, Waran Perjawatan, Dokumen Kualiti, dokumen myGovEA, Pelan Strategik, serta Undang-undang dan peraturan.

03 Penyediaan mengikut **format** myPortfolio dalam bentuk *microsoft word* yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang MAMPU.

04 Menyediakan **satu myPortfolio untuk satu jawatan** yang berasaskan sekurang-kurangnya **satu proses kerja**. Pemilihan proses kerja hendaklah berbeza dalam kalangan pegawai mengikut Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ SUK/ Bahagian/ Cawangan/ Unit. Ini disebabkan satu proses kerja boleh dikongsi oleh beberapa orang pegawai. (Bagi **sesi *hand-holding***, myPortfolio perlu lengkap dengan semua proses kerja di akhir sesi)

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018

myPORTFOLIO

PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

SESI 4

PEMBENTANGAN (MODUL D)

01 Pembentangan mengikut **kumpulan** (Kementerian/Jabatan/Agensi/SUK/Bahagian/ Cawangan/Seksyen/Unit).

02 Membentangkan **satu myPortfolio untuk satu jawatan** yang berasaskan sekurang-kurangnya **satu proses kerja**. (Bagi sesi *hand-holding*, pembentangan hendaklah meliputi semua Jabatan/ Agensi/ SUK/ Bahagian/ Cawangan/ Seksyen/ Unit.

03 Pembentang hendaklah menyatakan **nama, jawatan dan kumpulan** yang diwakili.

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018

myPORTFOLIO

PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

SESI 5

SESI RUMUSAN DAN PENILAIAN (MODUL E)

Way Forward : PERANAN PENYELARAS

01 **Mandat** untuk menyedia, menyelaras dan memantau pelaksanaan PKPA Bil. 4/2018 di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi.

- Bertanggungjawab memastikan **setiap jawatan** untuk mempunyai myPortfolio yang **terkini**.
- Bertindak sebagai pakar runding myPortfolio bagi melaksanakan **latihan pada peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi dan audit secara dalaman**.
- Melaksanakan **pemantauan** terhadap penyediaan dan pelaksanaan tugas berpandukan myPortfolio. Eg: mengadakan audit secara dalaman.
- Memastikan myPortfolio **dikemas kini** apabila berlaku sebarang perubahan.
- Memastikan penjawat awam bertukar/ tamat perkhidmatan hendaklah **menyerahkan** myPortfolio kepada Ketua Agensi/ Pegawai Penilai Pertama/ Pengarah (berdasarkan *chain of command*) melalui penyelaras myPortfolio.

02 **Nota taklimat** merupakan bahan yang boleh digunakan bagi tujuan pelaksanaan pada peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi.

03 Bagi *hand-holding*, agensi dimohon untuk menyiapkan semua myPortfolio dalam **tempoh satu (1) bulan** selepas sesi *hand-holding* dijalankan.

CADANGAN PELAKSANAAN SESI PENGAJARAN DI PERINGKAT AGENSI

PESERTA	METODOLOGI	BAHAN	ALAT BANTUAN MENGAJAR	KEDUDUKAN FIZIKAL
1. Penyelaras myPortfolio 2. Pegawai Sumber Manusia 3. Warga agensi	Ceramah/ taklimat pengenalan	Bahan persediaan pakar runding*:* i. Slaid Taklimat ii. PKPA myPortfolio termasuk format dalam bentuk *microsoft word* iii. PKPA MS ISO 9001:2015 iv. Borang Penilaian Penceramah v. Borang Maklum Balas Kursus vi. Format laporan	LCD	Bilik Seminar (kedudukan meja bulat berkumpulan atau *class room style*). Sebaiknya bilangan kumpulan dipecahkan mengikut jabatan/bahagian/unit organisasi.
	Bengkel tatacara penyediaan		Slaid	
	Latihan dalam kumpulan	Bahan yang perlu disediakan oleh agensi: i. Manual Prosedur Kerja ii. Fail Meja iii. Deskripsi Tugas iv. Waran/Surat Kelulusan Perjawatan v. Carta Organisasi vi. Carta Fungsi vii. Dokumen Kualiti viii. Pelan Strategik ix. Repositori MyGovEA (sekiranya berkaitan) x. Undang-undang, Peraturan dan Punca kuasa xi. Lain-lain contoh proses kerja bersesuaian yang boleh dijadikan rujukan agensi	Komputer	
	Pembentangan		*PA System*	
			Skrin Putih	
			Marker whiteboard	
			Papan Putih	
			Internet	
			Flip chart	
			Cordless mic	

CADANGAN PELAKSANAAN SESI PENGAJARAN DI PERINGKAT AGENSI

BIL	SESI 1: PENGENALAN (MODUL A)	SESI 2: TATACARA PENYEDIAAN (MODUL B)	SESI 3: AMALI PENYEDIAAN (MODUL C)	SESI 4: PEMBENTANGAN (MODUL D)	SESI 5: RUMUSAN DAN PENILAIAN (MODUL E)
OBJEKTIF	Para peserta akan dapat memahami apakah myPortfolio dan kepentingan aspek pelaksanaan myPortfolio di agensi.	Para peserta akan dapat memahami tatacara penyediaan myPortfolio serta mengaplikasikan pengetahuan dalam penghasilan tugasan.	Para peserta akan dapat mengaplikasikan kemahiran penyediaan myPortfolio melalui penyediaan myPortfolio masing-masing dan juga menyediakan myPortfolio untuk Jabatan/Bahagian masing-masing.	Para peserta akan dapat memahami kaedah penyediaan myPortfolio dengan betul serta mempunyai keupayaan untuk menyampaikan modul kepada orang lain.	Para peserta akan dapat memahami keperluan PKPA secara keseluruhan dan juga dapat memberikan maklum balas terhadap pengisian dan keberkesanan serta penyampaian ceramah oleh fasilitator.
KANDUNGAN SESI	1. Pengenalan penceramah dan peserta. 2. Latar belakang. 3. Takrifan. 4. Komponen. 5. Pemantapan & pengukuhan. 6. Kepentingan. 7. Tindakan agensi. 8. Kesiapsiagaan MAMPU.	1. Tatacara Penyediaan myPortfolio. 2. Tatacara Penyediaan JD.	1. Kumpulan dibahagikan mengikut Jabatan/ Bahagian/Cawangan/ Sektor/Unit. 2. Sesi penyediaan myPortfolio. 3. Perbincangan 4. Kumpulan perlu sediakan satu myPortfolio untuk satu Jabatan/Bahagian/jawatan dengan memfokuskan kepada sekurang-kurangnya satu proses kerja yang telah dikembangkan kepada Carta Alir dan Senarai Semak.	1. Pembentangan kumpulan. 2. Sesi soal jawab.	1. Rumusan oleh penceramah. 2. Edaran Borang Penilaian. 3. *Wrap up* tentang apa yang telah dipelajari sepanjang bengkel. 4. Harapan agar peserta dapat memahami kepentingan myPortfolio. 5. Ucapan terima kasih kepada penganjur dan peserta.
MASA (2 hari. Manakala 3 hari bagi sesi *hand-holding*)	2 jam	5 jam (2.5 jam bagi myPortfolio dan 2.5 jam bagi JD)	2.5 jam (10 jam bagi *hand-holding*)	2.5 jam	1 jam
KAEDAH PENYAMPAIAN	1. Ceramah 2. *Powerpoint* 3. Main Sambil belajar/Kuiz	1. Ceramah 2. *Powerpoint*	1. Latihan dalam kumpulan 2. *Sesi brainstorming*	1. Perbincangan 2. Pembentangan melalui *Microsoft Word*	1. Taklimat 2. Komunikasi dua hala 3. Borang Penilaian

UNIT PEMODENAN TADBIRAN
DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

SESI FAMILIARISASI DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018

myPORTFOLIO

PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

Sekian, Terima Kasih.